

AKHBAR : BERITA HARIAN
 MUKA SURAT : 20
 RUANGAN : ISU

→ ISU



Kakitangan Pejabat Kesihatan Daerah Alor Setar memeriksa premis perniagaan di Jalan Tunku Ibrahim berikutnya 14 mangsa mengidap chikungunya.

Peniaga bimbang chikungunya merebak

● Pembuangan sampah penagih, gelandangan punca kawasan kotor



Dr Norhizan Ismail

Oleh Noorazura Abdul Rahman
 bhnews@bh.com.my

■ Alor Setar

Peniaga beroperasi di depan rumah kedai di Jalan Tunku Ibrahim dan Jalan Langgar berhampiran City Plaza di sini, bimbang penyakit chikungunya yang disyaki menjangkiti 14 penduduk di situ, merebak lebih teruk.

Penjual rempah ratus, Mohd Yassim Naina Mohamed, 62, berkata ada keder terbiasa yang terengkali sejak 12 tahun lalu bersebalahan premisnya yang dipercayai menjadi tempat pembibitan aedes.

"Sebagai peniaga produk yang menjadi warisan sejak 80 tahun lalu, saya sentiasa bertanggungjawab menjaga kebersihan kawasan premis, namun akibat pembuangan sampah oleh penagih dan gelandangan, kebersihan di kawasan ini sukar dikawal."

"Apabila sudah jadi begini, saya pun risau penyakit ini merebak. Memang ada pekerja syarikat pengurusan sisa, E Ida man yang membersihkan longkang di kawasan ini, tapi apabila sudah jadi tempat penagih, mereka akan buang sampah begitu saja."

"Saya harap selepas ini semua peniaga akan lebih berhati-hati dan bersama-sama menjaga kebersihan kawasan sekitar," katanya ketika ditemui, semalam.

Peniaga kedai gambar, Wan Chan Foong, 39, berkata dia disyaki mengidap penyakit itu dua minggu lalu selepas beberapa rakan peniaga dan pe-

kerja mereka turut disyaki dijangkiti.

"Lima ahli keluarga saya turut demam seorang demi seorang. Mula-mula saya sakit tulang, lenguh bahagian lutut, kemudian mula demam selepas Maghrib. Begitu juga dengan isteri, dua anak kami serta ibu bapa saya yang turut mengalami sindrom sama."

Rawatan di klinik swasta

"Kami kemudian mendapatkan rawatan di klinik swasta sebelum dirujuk ke Hospital Sultanah Bahiyah (HSB) untuk pemeriksaan darah. Doktor mengesaki kami mengalami demam chikungunya," katanya ketika ditemui.

Peniaga bimbang penyakit merebak, dakwa pembuangan sampah punca kejadian.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kedah, Datuk Dr Norhizan Ismail dalam satu kenyataan semalam, berkata 14 pesakit terbabit berusia 35 hingga 50 tahun yang mempunyai simptom demam, sakit sendi yang teruk dan ruam.

"Siasatan awal mendapat gelala itu bermula pada 9 Jun lalu dengan kebanyakannya pesakit mendapatkan rawatan pesakit luar di klinik swasta sekitar Alor Setar dan dilaporkan stabil. Mereka disyaki mengidap chikungunya, namun jabatan ini tidak menolak kemungkinan penyakit lain."

"Siasatan lanjut masih dijalankan termasuk menghantar sampel untuk ujian di Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan Sungai Buloh, Selangor," katanya dalam satu kenyataan.

AKHBAR : HARIAN METRO
 MUKA SURAT : 13
 RUANGAN : SETEMPAT

14 disyaki hidap chikungunya

■ Sampel pesakit derita demam, sakit sendi teruk dihantar untuk ujian makmal di Sungai Buloh

Muhaamad Hafis Nawawi
 Mhafis@hmetro.com.my

Alor Setar

Jabatan Kesihatan Kedah sudah menghantar sampel untuk ujian makmal membabitkan 14 pesakit yang disyaki menghidap chikungunya.

Pengarah Jabatan Kesihatan Kedah Datuk Dr Norhizan Ismail berkata, sisa-sia dijalankan dengan segera oleh Pejabat Kesihatan Daerah Setar sejak tular di masyarakatnya, sia-sia awal mendapat sekitar 14 pesakit berusia antara 35-50 tahun yang menghidap chikungunya dikesan di sekitar kedai di Jalan Tunku Abdul Rahman dan Jalan Langgar di sebelah City Plaza di sana. "Selepas mempunyai demam, sakit sendi dan ruam, pesakit awal itu bermula semula lalu apabila keadaan mereka mendapat pesakit luar di klinik sekitar Alor Setar.



RUMAH kedai di Jalan Tunku Ibrahim berhadapan dengan City Plaza yang menjadi tempat tinggal 14 pesakit disyaki menghidap chikungunya.

"Pejabat Kesihatan Daerah Setar tidak menerima sebarang notifikasi daripada klinik yang merawat mereka berkaitan kes berkenaan," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Dr Norhizan berkata, siasatan awal berdasarkan tanpa masuk menghantar sampel untuk ujian makmal di Makmal Kesihatan Awam

ka berkemungkinan menghidap chikungunya.

"Bagaimanapun, jabatan ini juga tidak menolak kemungkinan disebabkan penyakit lain."

"Sehubungan itu, siasatan lanjut masih dijalankan termasuk menghantar sampel untuk ujian makmal di

Kebangsaan Sungai Buloh di Selangor," katanya.

Menurutnya, Pejabat Kesihatan Daerah sudah dan sedang menjalankan tindakan pencegahan dan kawalan mengenainya.

"Orang ramai yang mempunyai gejala demam dan sakit sendi terutama penduduk di kawasan Jalan



KAKITANGAN Pejabat Kesihatan Daerah Kota Setar menunjukkan sampel jentik-jentik yang diambil di premis pemergoan terbengkalai di Jalan Tunku Ibrahim.



KAKITANGAN Pejabat Kesihatan Daerah Kota Setar membuat perincian di premis pemergoan di Jalan Tunku Ibrahim.

lasi mengenainya," katanya.

Menurut Dr Norhizan, jabatan Kesihatan Negeri Kedah meminta semua pihak terutama masyarakat setempat dalam tindakan pencegahan dalam mendakwa untuk menghapuskan tempat pembilahan nyamuk aedes demi mencegah jangkitan chikungunya, denggi dan zika.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 40

RUANGAN : NASIONAL

14 individu disyaki hidap chikungunya

ALOR SETAR - Seramai 14 individu yang mendiami rumah kedai berhampiran City Plaza dekat sini, disyaki mengidap penyakit chikungunya selepas mempunyai simptom demam, sakit sendi yang teruk dan ruam.

Pengarah Kesihatan Kedah, Datuk Dr Norhizan Ismail berkata, Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Kota Setar tidak menerima sebarang maklumat berkaitan kes terbabit, namun menjalankan siasatan segera selepas kes itu tular di media sosial sejak kelmarin.

Menurutnya, siasatan awal mendapati 14 pesakit terbabit berumur lingkungan 35 hingga 50 tahun telah mendapatkan rawatan sebagai pesakit luar di klinik swasta sekitar Alor Setar, dan dilaporkan dalam keadaan stabil.

"Gejala awal bermula pada 9 Jun lalu, siasatan awal pula dibuat berdasarkan gejala berkenaan dan mengesyaki mereka mungkin menghidap penyakit chikungunya, namun kita tidak menolak kemungkinan penyakit lain," katanya dalam satu kenyataan media di sini semalam.

Dr Norhizan berkata, siasatan lanjut masih dijalankan termasuk menghan-

Sinar CARA MENCEGAH PENYAKIT CHIKUNGUNYA

- 01 Gunakan repelen.
- 02 Menyembur aerosol terutamanya pada awal pagi dan lewat senja di belakang lang�ir, bawah meja, bawah katil dan belakang almari di dalam rumah.
- 03 Memakai baju lengan panjang dan seluar panjang berwarna cerah.
- 04 Memasang jejaring nyamuk pada tingkap dan pintu rumah.

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia

F • SinarHarian | T • SinarOnline | I • sinarharian | D • Sinar.TV

tar sampel untuk ujian makmal di Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan Sungai Buloh, Selangor.

"Pejabat Kesihatan Daerah turut jalankan tindakan Pencegahan dan Kawalan antaranya pengesanan kes secara aktif di sekitar kawasan terlibat," katanya.

Menurutnya, promosi kesihatan kepada penduduk setempat turut digiatkan selain pemeriksaan dan pemusnahan tempat pembiakan nyamuk aedes pada setiap minggu.

Katanya, untuk mencegah chikungunya, masyarakat diminta membersihkan persekitaran serta memusnahkan tempat pembiakan nyamuk aedes pada setiap minggu.


Penyakit chikungunya adalah disebabkan virus chikungunya yang disebarluaskan oleh nyamuk aedes.

Mereka yang dijangkiti akan mengalami demam, ruam, sakit badan dan sakit sendi.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : DALAM NEGERI



KAKITANGAN Pejabat Kesihatan Daerah Kota Setar melakukan pemeriksaan dan pengambilan sampel di lokasi disyaki tempat pembiakan jentik-jentik aedes di sebuah kawasan rumah kedai terbiasa di Alor Setar, semalam.

14 dikesan ada tanda Chikungunya

ALOR SETAR 23 Jun - Seramai 14 penduduk di deretan rumah kedai berhampiran sebuah pusat beli-belah di sini disyaki menghidap penyakit Chikungunya selepas mengalami demam, sakit sendi dan ruam sejak 9 Jun lalu.

Pengarah Kesihatan negeri, Datuk Dr. Norhizan Ismail berkata, Jabatan Kesihatan negeri dimaklumkan berhubung kluster kes itu yang ditularkan melalui media sosial semalam.

"Siasatan telah dijalankan dengan segera oleh Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Kota Setar dan siasatan awal mendapati 14 pesakit dikesan di sekitar rumah kedai tersebut.

"Mereka yang berusia antara

35 hingga 50 tahun itu mengalami tanda-tanda sejarah demam, sakit sendi yang teruk dan ruam dengan gejala awal bermula pada 9 Jun lalu," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Tambah Dr. Norhizan, kebanyakannya pesakit mendapatkan rawatan pesakit luar di klinik swasta di sekitar Alor Setar dan keadaan mereka dilaporkan stabil.

"PKD Kota Setar tidak menerima sebarang notifikasi kes berkaitan. Walaupun berdasarkan siasatan awal tanda dan gejala berkenaan mengesyaki mereka menghidap Chikungunya, namun Jabatan Kesihatan negeri tidak menolak kemungkinan mereka

menghidap penyakit lain.

"Sehubungan itu, siasatan lanjut masih dijalankan termasuk menghantar sampel untuk ujian makmal di Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan Sungai Buloh," jelasnya.

Ujar beliau, PKD juga menjalankan tindakan pencegahan dan kawalan seperti pengesanan kes secara aktif serta melakukan pemeriksaan dan pemusnahan tempat pembiakan nyamuk aedes di sekitar kawasan terlibat.

Tambahnya, penyakit Chikungunya adalah disebabkan oleh virus Chikungunya yang disebarluaskan oleh nyamuk aedes iaitu nyamuk sama yang menyebarkan demam Denggi.